

# Sekat sebar agama lain kepada umat Islam: PM

PM ingatkan semua pihak usah bangkitkan isu sensitif

Oleh Mona Ahmad, Wan Faizal Ismayatim dan Nasir Hassan

**B**ACHOK; Perdana Menteri mahukan kerajaan negeri yang belum menguatkuasakan undang-undang menyekat penyebaran agama lain kepada umat Islam segera berbuat demikian bagi mengelak wujud masalah di kalangan umat Islam.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kesan perkara itu (belum menguatkuasakan undang-undang) perlu difikirkan dan tindakan harus diambil bagi memastikan hubungan baik antara kaum negara ini terpelihara.

"Bagi negeri yang belum, mestilah fikir perkara ini, ambil apa-apa tindakan yang perlu," katanya selepas Majlis Jamuan, Rakyat dan Penyerahan Bantuan Peralihan Tembakau di Sekolah Menengah Datuk Perdana, Tangok, di sini, semalam.

Abdullah mengulas empat negeri iaitu Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang yang be-

lum menggubal undang-undang menerusi Artikel 11(4) Perlembagaan Persekutuan bagi menyekat penyebaran ajaran agama lain kepada umat Islam.

Pada masa sama, Perdana Menteri sekali lagi mengingatkan semua pi-

**“***Saya sentiasa ingatkan, usahlah timbulkan isu ini. Jika sana timbul sini timbul, jadi berbalas-balaslah. Bukan senang nak menyelesaikan hal berkaitan agama dan kaum”*

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

hak tidak mengungkit isu sensitif terutama berkaitan kedudukan Islam dan kaum, yang boleh menyebabkan perbalahan dalam negara.

Katanya, sejak merdeka lagi, rakyat Malaysia hidup dalam rukun dan aman kerana pemimpin dulu bermuafakat menyediakan garis panduan menerusi Perlembagaan Negara.

"Saya sentiasa ingatkan, usahlah timbulkan isu ini. Jika dua-dua pihak timbul, sana timbul sini timbul, jadi berbalas-balaslah. Bukan senang nak menyelesaikan hal berkaitan agama dan kaum kerana masing-masing emosional.

"Saya jelaskan apa yang sudah dijadikan muafakat pemimpin kita dan orang tua-tua dulu, yang begitu bijaksana dan memahami, kita patut patuhi. Jangan unkit perkara yang boleh membawa ketegangan sesama kita.

"Selama ini, kita berada dalam keadaan yang baik dan elok. Negara lain kagum dengan kejayaan kita mengekalkan hubungan kaum dan agama

dengan aman. Negara kita berbilang bangsa dan agama tapi muafakat dan kerjasama," katanya.

Sementara itu, Abdullah turut menyuarkan rasa gembiranya selepas melihat perubahan besar dalam lawatan kerja dua harinya ke negeri ini yang berakhir semalam.

"Saya gembira kerana lawatan kerja kali ini melihat perubahan besar di Kelantan khususnya Umno dan rakyat sendiri. Kekuatan parti penting untuk menjayakan program yang sudah diatur terutama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)," katanya.

Beliau turut menasihatkan Umno Kelantan mengambil pendekatan musyawarah dan muafakat dalam usaha memajukan negeri ini.

"Rakyat akan suka jika pemerintah berada dalam keadaan sihat, muafakat dan kuat. Selain itu, ia juga penting untuk menjayakan RMK-9. Saya sudah mengarahkan pegawai kerajaan supaya menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya," katanya.